KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 9 MAC 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | ELAUN NELAYAN RM300, DALAM NEGERI, UM -11<br>USAHA NAIKKAN KEPADA RM300, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -35<br>ELAUN NELAYAN RM300, NEWS, UTUSAN ONLINE -3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | MINISTRY OF AGRICULTURE PLANS TO GIVE TEMPORARY PERMIT TO GO FISHING, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A10<br>AGRICULTURE MINISTER: MAY APPROVE TEMPORARY LICENSE FOR PART TIME FISHERMEN, NATION, SIN CHEW DAILY -9<br>GOVERNMENT CONSIDERS ISSUING TEMPORARY PERMIT, NATION, CHINA PRESS -A15<br>FISHERMEN WARNED TO BE EXTRA CAREFUL, NEWS, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -1,2<br>2 PATI, 2 NELAYAN DITAHAN PPM, MY METRO -ONLINE<br>LOOK INTO SUSTAINABLE FISHING, LETTERS, NST -15 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 10. | FARMERS, FISHERMEN IN MELAKA STRETCHED DRY, NEWS / NATION, NST -50 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 11. | ELAK IMPORT HAIWAN BERPENYAKIT, NEWS, HARIAN METRO (SABAH AND SARAWAK) -4 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 12.<br>13. | RASA MACAM AYAM, SETEMPAT, HM -5<br>BURGER BUAH NANGKA DIPERKENAL, SENTRAL, SH -19 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20. | FFS JADI CONTOH BANTU TINGKAT HASIL PADI, SENTRAL, SH -19<br>STESEN MINYAK MINI TAMBAH PENDAPATAN PPK, SENTRAL, SH -19<br>HARGA TELUR AYAM STABIL, SETEMPAT, HM -16<br>BINAPURI LABUR RM100J PROJEK PEMBANGUNAN TANAH TANI, BISNES, UM -39<br>BASMI ANJING LIAR BENDUNG WABAK RABIES, KOMENTAR, BH -11<br>ANGGUR 'MUSIM PANAS', SETEMPAT, HM -9<br>DAMAI DI KEBUN BALKONI, HATI, HM -64 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

Jika ekonomi pulih tahun depan

# Elaun nelayan RM300

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
pengarang@utusan.com.my

■ PONTIAN 8 MAC

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani akan berusaha menambah elaun sara hidup nelayan daripada RM200 kepada RM300 jika kewangan kerajaan mengizinkan tahun depan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, peningkatan elaun sara hidup itu hanya akan dilakukan sekiranya ekonomi negara pulih dan bertambah baik dan beliau akan terus memperjuangkan elaun sara hidup nelayan agar dinaikkan.

"Jika ekonomi pulih tahun depan, saya usahakan untuk beri elaun sara hidup nelayan RM300 sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program pelepasan 20,000 benih ketam renjung di Jeti Pengkalan Penghulu Mukim Serkat di sini hari ini.

Program tersebut merupakan kerjasama strategik International Institute of Aquatic Sciences (I-Aquas) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).



SALAHUDDIN AYUB melepaskan benih anak ketam renjung di perairan Pontian, Johor semalam. -UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Munir Mohd. Nawi dan Pengarah Jabatan Perikanan Johor, Zamani Omar.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, kementerian akan mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Perikanan bagi mewujudkan pas nelayan sementara.

Menurutnya, pengenalan pas itu bertujuan membantu mereka yang aktif ke laut menangkap ikan sebagai sumber pendapatan namun tidak mempunyai lesen nelayan atas faktor tertentu.

"Walau bagaimanapun, mereka yang memiliki pas sementara tidak akan memperoleh keistimewaan seperti nelayan yang memiliki lesen. Mereka tidak mendapat elaun sara hidup dan subsidi petrol," katanya.

Mengulas mengenai benih ketam renjung yang dilepaskan, beliau berkata hasilnya dijangka dapat dituai dalam tempoh empat atau lima bulan lagi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Usaha naikkan kepada RM300 | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 35 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 384 cm² |
| Journalist | NOR AZURA MD AMIN | AdValue | RM 2,690 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,070 |



# Usaha naikkan kepada RM300

***Peningkatan elaun sara hidup nelayan jika ekonomi negara pulih***

NOR AZURA MD AMIN



Salahuddin melepaskan benih anak ketam renjung di perairan Pengkalan Penghulu, Serkat..

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub akan berusaha meningkatkan elaun sara hidup nelayan kepada RM300 sebulan pada tahun depan berbanding RM200 sebulan pada masa sekarang.

Menurutnya, peningkatan elaun sara hidup itu hanya akan dilakukan sekiranya ekonomi negara pulih dan bertambah baik pada tahun depan.

"Saya akan terus memperjuangkan elaun sara hidup nelayan dinaikkan.

"Jika ekonomi pulih tahun depan, saya usahakan untuk beri elaun sara hidup nelayan RM300 sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program pelepasan 20,000 benih ketam renjung di Wakaf jeti Pengkalan Penghulu Mukim Serkat dekat Pontian di sini, semalam.

Program tersebut merupakan kerjasama strategik yang dilaksanakan bersama International Institute of Aquatic Sciences (I-Aquas) Universiti Putra Malaysia (UPM).

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi dan Pengarah Jabatan Perikanan Johor, Zamani Omar.

**info**

**Pada masa ini, nelayan menerima elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan**

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, kementerian akan mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Perikanan bagi mewujudkan pas nelayan sementara.

Katanya, pas nelayan sementara bertujuan membantu mereka yang aktif ke laut menangkap ikan sebagai sumber pendapatan namun tidak mempunyai lesen nelayan atas faktor-faktor tertentu.

"Bagaimanapun, mereka yang memiliki pas sementara ini tidak akan memperoleh keistimewaan seperti nelayan yang memiliki lesen.

"Mereka tidak mendapat elaun sara hidup dan subsidi petrol," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Elaun nelayan RM300 | | |
| MediaTitle | Utusan Online(www.utusan.com.my) | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 3 | Readership | 8 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,500 |

# Elaun nelayan RM300

PONTIAN 8 Mac - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berusaha menambah elaun sara hidup nelayan daripada RM200 kepada RM300 jika kewangan kerajaan mengizinkan tahun depan.
Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, peningkatan elaun sara hid...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry of Agriculture plans to give temporary permit to go fishing | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A10 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 311 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,454 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,363 |





沙拉胡丁（左起）与慕尼莫哈末，一同放生青梭蟹苗。 -杨金森-

# 农业部拟发放临时出海准证

**笨珍8日讯**｜农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育披露，农业部计划分阶段发放临时出海准证给业余渔民或垂钓者，预计今年中可实行。

他说，该部将会讨论并考虑发放临时准证给兼职渔民、相关爱好者或是学生，以便他们出海时不会被执法单位对付。惟他强调，持临时准证者将无法享有与渔民同等的福利，如津贴等。

「发放临时准证将确保他们出海时不会被对付，我将把此带入部门会议讨论，预计批准后可分阶段发放。」

沙拉胡丁阿育今日下午前往笨珍实叻码头，主持青梭蟹幼苗放生活动后，召开新闻发布会上，这么透露。出席者包括大马渔业局总监拿督慕尼莫哈末、柔佛卫生、环境与农业行政议员萨鲁丁嘉玛等人。

沙拉胡丁表示，渔业局与博特拉大学国际海产养殖中心合作，放生2万只螃蟹幼苗，预计4至5个月后便会有收获。

慕尼莫哈末则表示，全国去年的螃蟹捕获量是达7000吨，柔佛州是国内产量最高的州属，主要在笨珍和峇株巴辖一带。

他也透露，该局计划将笨珍至亚逸峇礼海岸线进行规划，打造「渔民社区」，规划的范围约2000公顷，主要是养殖蛤。

「上述规划分为100个区域，每个区域为20公顷，有15名渔民参与。预计整个渔民社区有1500名渔民参与。」

萨鲁丁补充，上述区域规划将带入行动理事会，规划后的地区不允许其他人进入，并会进行保护确保不受破坏和污染。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister: May approve temporary license for part-time fishermen | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 9 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 252 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,262 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,785 |





## 農長：可免受取締 但無津貼
# 或批兼職漁民臨時執照

沙拉胡丁乘船出海，释放花蟹蟹苗，以便为当地渔民增加渔产收入。

（笨珍8日讯）农业及农基部长拿督沙拉胡丁指出，该部正考虑发放临时通行证，允许有意兼职捕鱼的人士在出海时不会受到执法人员包括水警及渔业局官员的取缔，惟他们无法获得每月的渔民生活津贴及燃油津贴。

沙拉胡丁是于今日下午在龟咯实叻角，出席一项由农业及农基部举办的释放蟹苗活动后，发表谈话。

大马渔业局总监拿督慕尼则补充，上述临时通行证将分阶段在全国发放，皆视渔产资源而定。

### 释放2万只花蟹蟹苗

沙拉胡丁今日在渔业局官员的陪同下，从龟咯实叻角渔民码头乘船出海，一共释放了2万只的花蟹蟹苗。陪同出席者包括柔佛州卫生、环境及农业委员会主席萨鲁丁，大马渔业局总监拿督慕尼及柔佛州渔业局主任扎曼尼等。

沙拉胡丁指出，预料上述蟹苗将在半年后经过繁殖和成长，带来2.2公吨的产量，提升渔民的收入，全国花蟹的年产量约为7000公吨。当局也有计划通过箱网养殖计划，在适合的海域养殖花蟹。

他指出，这项生产花蟹蟹苗的计划，是由大马渔民局与博特拉大学国际水产养殖科学中心（i-AQUAS）携手合作的，并分阶段在波德申、柔佛笨珍、登嘉楼实兆湿地及其他地区释放蟹苗。

另外，他披露，笨珍丹绒比艾至阿逸峇札的天然鲜蛤繁殖区将列入保留区，养殖区面积达2000公顷。有关保留区将分为100个地段，每个地段由15名渔民社区经营，预料有1500名渔民受惠。

他也说，若我国经济好转，该部也将考虑恢复每月300令吉的渔民生活津贴。目前，渔民享有每月200令吉的生活津贴。

他说，在大选前，许多渔民执照因为政治需求而胡乱发放，包括兼职出海垂钓者每月都获得生活津贴，其实这样做对真正有出海捕鱼的渔民并不公平，因此当局目前正极力纠正这个乱象。

### 无牌捕鱼逾10年将先获执照

针对渔民在交流会上申诉多年苦候捕鱼执照，大马渔业局总监拿督慕尼表示，当局将优先让那些超过10年无牌出海捕鱼的渔民，获得合法的执照之后，再批准其他的申请者。

他表示，当局必须考虑到现有的渔产资源日益减少，不能随意发放捕鱼执照。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Government considers issuing temporary permit | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A15 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 462 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,113 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,340 |





■沙拉胡丁（左起）及慕尼莫哈末，释放2万只花蟹幼苗进入大海。



■放入海中的花蟹幼苗。

## 兼職漁夫無法獲補貼

# 政府考慮發臨時准證

（笨珍8日讯）农业及农基工业部长沙拉胡丁说，政府考虑发放临时通行证给兼职捕鱼人士，避免他们受到执法人员取缔。但这些兼职者，无法获得每月渔民生活补贴及燃油补贴。

沙拉胡丁今午出席笨珍亚佘瑟卡（Mukim Serkat）举行的放花蟹幼苗入海计划后，如是指出。这项计划是马来西亚渔业局及博特拉大学的水殖海洋科学中心合作。

马来西亚渔业局总监拿督慕尼也说，发放临时通行证给兼职捕鱼人士计划将分阶段计划，并视渔产量决定。

此外，沙拉胡丁指出，全国一年有7000吨花蟹产量，而柔州一年可生产1800吨花蟹，生产来源地主要来自柔州西海岸及笨珍。

他说，这2万只蟹苗被放入海中后，预估在半年，可生产2.2吨的产量，渔民此时便可出海捕捉，预料每个渔民收入将增加700令吉。

### 分階段釋放蟹苗

他说，大马渔业局也会通过箱网（sistem kepungan）计划，在适合的海岸线养殖。

"同时渔业局研究机构也在池塘，进行饲养花蟹的计划。"

他说，释放蟹苗计划已分阶段在森美兰波德申、柔佛笨珍、登嘉楼实兆湖地及其他地区进行释放蟹苗计划。

另一方面，他说，笨珍丹绒比艾至阿逸峇礼的天然鲜蛤繁殖区将列入保留区，养殖区面积达到2000公顷，有关保留区将分为100个地段，每个地段由15名渔民社区经营，预料有1500名渔民受惠。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishermen warned to be extra careful | | |
| MediaTitle | The Star (Metro South and East) | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 9,763 |
| Page No | 1,2 | Readership | 29,289 |
| Language | English | ArticleSize | 531 cm² |
| Journalist | STEPHEN THEN | AdValue | RM 7,899 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,696 |




NEWS
Fishermen must ensure nets do not trap protected species
> 2



SARAWAK

# Fishermen warned to be extra careful

## Whale sharks on annual migration caught in nets

By STEPHEN THEN
stephenthen@thestar.com.my



A huge whale shark found dead after being entangled in fishermen's nets offshore Miri.

**MIRI:** Fishing vessels casting their trawler nets offshore Miri must exercise extra caution as the South China Sea is a migratory route for whale sharks and other sea creatures.

These gentle giants of the oceans pass by here annually during the shrimp seasons en route to other parts of the world.

Sarawak Tourism Assistant Minister Datuk Lee Kim Shin said he is sad to note that another whale shark had died offshore Miri.

"I have spoken to the Fisheries Department to warn local fishermen to be extra careful.

"There are protected and rare marine creatures in our waters. The whale shark is one of those that come here during their annual migration through the oceans.

"These creatures are rare and are a tourism asset.

"Fishermen have to be extra careful to avoid casting their nets where these whale sharks are found," he said.

Social media pictures of a huge whale shark being unloaded by fishermen two days ago at a fishing jetty in Miri had caused a stir – with public thinking it was illegally caught.

The whale shark is a totally protected species and is endangered in Sarawak waters.

The pictures made their rounds and many concerned nature-lovers vented their sadness that such a harmless and magnificent creature had died in tragic circumstances.

*StarMetro* checked with the Sarawak Forestry Corporation (SFC) headquarters in Kuching, which confirmed that the Miri fishing company had said the whale shark was caught unintentionally.

"Our SFC enforcement unit went to the jetty to check. The fishing crew said the whale shark was already dead when brought to shore after it got stuck in their fishing nets.

"The SFC personnel had taken away the carcass and buried it," said the senior communications officer Susan Yek.

The whale shark weighed about 1.5 tonnes and measured more than 3m long.

Malaysian Nature Society Miri chairman Musa Musbah said it is yet another tragic incident involving rare creatures in the state.

"All licenced fishermen should know which marine creatures can be harvested.

"If indeed it was caught by accident then the fishing crew did the right thing to report to the authorities.

"Still, it is yet another sad incident involving the death of a beautiful rare creature in Miri," he said.

There have been similar cases in Miri before of other rare marine creatures like dolphins ending up dead due to fishing incidents.

> "The whale shark is one of those that come here during their annual migration through the oceans. These creatures are rare and are a tourism asset."
>
> **Datuk Lee Kim Shin**



Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | MY METRO | ONLINE | |

# 2 PATI, 2 nelayan ditahan PPM



EMPAT termasuk dua pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) dalam dua operasi berasingan di perairan Labuan, semalam.

Operasi bermula 7.30 pagi itu berjaya menahan dua lelaki yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah dan dua nelayan yang melanggar syarat lesen Akta Perikanan 1985.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, ketika anggotanya menjalankan tugas Ops Gelora, sebuah bot nelayan ditahan di kawasan laut Pulau Enoe, manakala sebuah lagi ditahan di kawasan laut Petronas Methanol Labuan.

"Hasil pemeriksaan mendapati terhadap salinan lesen perikanan bot nelayan terbabit sudah tamat tempoh dan dua nelayan masing-masing berusia 25 dan 29 tahun itu terpaksa ditahan bersama bot serta 70 kilogram hasil tangkapan ikan mereka.

"Dalam operasi sama, PPM turut berjaya menahan seorang lagi lelaki yang gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri.

"Hasil maklumat lanjut, lelaki berusia 22 tahun itu mengaku baru sebulan bekerja sebagai kru bot nelayan terbabit," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, dalam satu operasi berasingan pasukannya berjaya menahan seorang lelaki PATI berusia 20 tahun.

Katanya, semua tangkapan dan rampasan dibawa ke Pangkalan PPM Labuan untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 11 (1) (b) Akta Perikanan 1985," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | NST | LETTERS | 15 |

Send your letters to Letters Editor, New Straits Times, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur or email letters@nstp.com.my (Tel: 03-20569411).
A letter must have a writer's name, signature, home address, phone and MyKad numbers. It should ideally not be more than 500 words.
The editor reserves the right to edit a letter for clarity and length.

# LETTERS

FISHING INDUSTRY

## LOOK INTO SUSTAINABLE FISHING

THE Association for Community and Dialogue recently organised a dialogue session with fishermen's associations in Perak.

Human Resources Minister M. Kulasegaran and officials from the Immigration Department were present.

The discussion was on the new ruling that required foreign workers to register with the Home Ministry instead of the Fisheries Department.

The representatives of the fishermen's associations claimed it now took longer for foreign workers to be registered.

The waiting period caused fishermen to lose their manpower. Previously, it took one day to register the workers with the Fisheries Department. Now, it takes longer because the Home Ministry requires health screenings and other documentation.

As their income was dependent on harvest, the associations said they were stranded because locals did not want to work on fishing boats.

In this industry, there is a tendency for foreign workers to run away and the high costs related to immigration processes in hiring new workers affect it.

Looking at the nature of the fishing industry, it is vital for the government to come up with a vision and policy to resolve these issues.



*Steps must be taken to attract more youths to the fishing profession.* FILE PIC

One rule that fits all where foreign workers are concerned does not do justice to certain industries. At the same time, one should not jeopardise the safety and health of Malaysians with improper screenings of foreign workers.

The delay in addressing bureaucratic bottlenecks will have a major impact on the prices of fish and fishery products. There is already a structural burden caused by middlemen that inflates the cost of fish and fishery products in the market.

As a solution, the Agriculture and Agro-based Industry, Human Resources and Home Ministries may want to establish a joint committee to address the issues involved in recruiting foreign workers.

The complexity of the issues requires more information and joint solutions in addressing the input cost of the fishing industry.

In the long term, it is vital for the authorities to embrace digital technology to expedite administrative processes related to foreign workers.

On a broader scale, the issues are related to imbalance of development, where rapid urbanisation and the quest for a materialistic lifestyle have made professions such as fishing unattractive to the younger generation.

Fishermen risk their lives to provide the much-needed source of protein to Malaysians. This shows the challenges in the fishing industry are complex and go beyond the technical aspects of employing foreign workers.

It is hoped that the government will address imbalance of development in semi-rural and rural areas to attract more youths to the fishing profession.

A new model of sustainable fishing should be initiated to reduce the cost that results from scarcity due to overfishing. This should complement the initiative to reduce the cost of employing foreign workers.

A holistic solution that takes into consideration the ecosystem of the fishing industry is vital to reduce the overall input cost that affects fishermen and consumers.

**RONALD BENJAMIN**
Executive secretary, Association for Community and Dialogue

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | NST | NEWS / NATION | 50 |


# Farmers, fishermen in Melaka stretched dry

**MELAKA:** Farmers and fishermen in the state are sweating it out as the weather heats up and they are bringing less home.

Vegetable farmer Yusof Selamat, 45, from Kampung Lancang in Jasin, near here, said when the weather was good, he could earn as much as RM2,000 a month. But with the current hot spell, his income has dropped by 40 per cent.

"I am facing rising costs this season, especially water bills, because when the weather is good, I do not have to water my plants often. I have to fork out RM200 a month for water bill now, when I paid only about RM100 each month before this."

Bernama reported Meteorological Department deputy director-general Jailan Simon as saying that the monsoon season would begin at the end of this month and the hot weather would cool down by the end of next month.

Yusof said *sawi*, *kangkung*, *kacang panjang* and *bayam* were popular vegetables among consumers, but he had to change what to plant due to the dry spell.

"During the hot season, it is difficult to maintain cultivation of *sawi* and *kacang panjang* as they need a lot of water. I can only plant *kangkung* and *bayam*, which need little water."

Farmer Mohamad Jiwa Ami, 40, from Merlimau Pantai in Jasin said he was worried that his plants were producing smaller chillies and the plants appeared to wilt faster.

Jiwa plants centil chillies and during good weather, he can harvest 50kg when the chillies mature every 10 days, but this has dropped to 20kg as the chillies were smaller and over-ripe.

"Of late, the plants and chillies are small. I am worried that if the hot weather continues, the plants will die. I am suffering losses as the costs are increasing, especially the water bills."

He said besides the increasing water bills, he also had to add more fertilisers and brown sugar to treat his plants.

Fisherman Noorsham Ahmad, 44, from Pantai Siring in Jasin said his earnings had been affected by choppy seas and rising sea temperatures.

He said when the weather was good, he could go out to sea 20 to 22 times a month, but with choppy seas, he had to spend more time on land.

"The hot weather is causing fishermen to lose half of their income as they cannot go out to sea as often as before.

"Choppy waters as well as dry and hot weather can be risky to fishermen," he said.



*A farmer watering his farm in Melaka yesterday.* BERNAMA PIC

State Agriculture, Entrepreneur Development, Agro-Based Industry and Cooperatives Committee chairman Norhizam Hassan Baktee said he would meet the farmers soon to learn more about their problems. **Bernama**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Elak import haiwan berpenyakit | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 09 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3,028 |
| Page No | 4 | Readership | 9,084 |
| Language | Malay | ArticleSize | 151 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,405 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,216 |



Kota Kinabalu

# Elak import haiwan berpenyakit

Pemain industri ternakan yang terdiri daripada pengimport dan pengeksport, penternak unggas, badan bukan kerajaan serta pengamal veterinar swasta harus memainkan peranan masing-masing dalam memastikan Sabah terus bebas daripada penyakit haiwan berbahaya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong Hong Jun berkata, penyakit haiwan itu bukan saja bahaya kepada manusia, tetapi merugikan ekonomi.

Katanya, semua pihak berkuasa yang terbabit juga diminta supaya bekerjasama dalam mengawal sempadan dan pintu masuk ke negeri ini supaya penyakit haiwan dari luar tidak mudah merebak ke negeri ini.

"Pada masa sama, orang ramai juga perlu bekerjasama dan memainkan peranan serta memahami tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS).

"Sebarang tindakan membawa masuk haiwan ini (berpenyakit) bukan saja bahaya kepada manusia, tetapi merugikan industri ternakan di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian sempena perasmian Kempen Kesedaran Penyakit Haiwan 2019 di Wisma Pertanian Sabah di Kota Kinabalu. Teks ucapannya dibaca Pembantu Menteri, Dr Daud Yusof.

Menurut Datuk Junz, ketika ini Sabah bebas daripada semua penyakit haiwan termasuk African Swine Fever, selesema burung, penyakit kuku dan mulut serta rabies.



***ANTARA** peserta yang hadir ketika perasmian Kempen Kesedaran Penyakit Haiwan 2019 di Wisma Pertanian Sabah.*

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 5 |

HARIAN METRO

# RASA MACAM AYAM

## UIAM hasilkan burger nangka selepas kajian enam tahun

Mohd Rafi Mamat
cnews@nstp.com.my

Kuantan

Siapa sangka buah nangka selama ini hanya dimakan begitu saja boleh diproses untuk menghasilkan daging burger memiliki rasa enak dan berkhasiat serta tekstur lembut.

Produk itu dihasilkan menerusi penyelidikan selama enam tahun oleh penyelidik kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan, Dr Ibrahim Abu Bakar.

Dr Ibrahim berkata, usaha menghasilkan produk makanan segera berasaskan nangka pertama di negara ini bermula pada 2013.

Penyelidikan itu hasil sokongan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang yang mahu lebih banyak produk dihasilkan menggunakan buah tempatan.

Katanya, isi nangka diolah dengan pelbagai campuran tepung sebelum boleh dijadikan burger berkhasiat dan memenuhi selera pengguna.

"Pemilihan buah amat penting untuk menghasilkan burger memiliki rasa enak, jadi saya pilih yang muda dan segar saja.

"Rasa nangka muda seakan-akan daging ayam," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau menggunakan nisbah 70 peratus nangka muda dan 30 peratus campuran cendawan atau ayam atau daging lembu sebagai pilihan kepada pengguna.

Katanya nangka mempunyai tekstur hampir sama dengan isi ayam dan daging terutama buah muda, berikutan itu ia sesuai dijadikan bahan makanan berasaskan daging dengan menggunakan formula nisbah campuran 70:30.

Menurutnya, antara khasiat nangka muda adalah mengandungi serat tinggi dan rendah lemak selain lembut serta mudah dikunyah.

"Makanan ini mengandungi vitamin C, A, kalium, kalsium dan besi selain boleh membantu mencegah beberapa jenis penyakit serta penghapusan kadmium iaitu sejenis logam berat," katanya.

Daging burger nangka itu mempunyai sijil halal dikeluarkan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan kelulusan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).



DR Ibrahim bersama pelajarnya menghasilkan burger nangka yang pertama di Malaysia.



DR Ibrahim menunjukkan burger nangka pertama yang dihasilkan selepas menjalani penyelidikan selama enam tahun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 19 |

# Burger buah nangka diperkenal

*Inovasi baharu itu mampu selesaikan isu lambakan nangka*

NORAZWANI YUSOF

KUANTAN

Lazimnya burger yang kita makan bahan utamanya adalah dari daging haiwan lembu mahupun ayam. Namun hasil inovasi sekumpulan penyelidik dari UIAM terhasil burger berasaskan buah nangka.

Pakar penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),Pensyarah Kanan, Dr Ibrahim Abu Bakar berkata, inovasi tersebut dilakukan selepas Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mahu menyelesaikan lambakan nangka di negeri ini.

Menurutnya, selepas dihubungi pegawai Fama, beliau mula memikirkan mengenai produk yang perlu dihasilkan agar tanaman hiliran ini dapat dipelbagaikan.

"Pada tahun 2013, saya mula menjalankan proses pembangunan dan penyelidikan (R&D) selama beberapa tahun bagi menghasilkan produk burger berasaskan buah nangka.



Burger buah nangka yang telah dijual di pasar raya, selepas lebih enam tahun membuat penyelidikan.



Burger yang sudah siap dihasilkan akan diuji terlebih dahulu bagi memastikan ia diterima pengguna.

"Penyelidikan ini dilakukan dengan mengolah bahan utamanya nangka dengan pelbagai campuran tepung untuk dijadikan sebiji burger berkhasiat dan ia bukan satu kerja mudah untuk dilakukan," katanya ketika ditemui di makmal Kuliyyah Allied Health di Universiti Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan, kelmarin.

Beliau berkata, dalam menghasilkan burger itu, pemilihan buah nangka amat penting dan perlu menggunakan nangka muda kerana rasanya seakan ayam yang mudah dicarik dan boleh berfungsi sebagai pengganti daging.

Jelasnya, penghasilan kepingan burger ini juga menggunakan nisbah 70 peratus buah nangka muda dan 30 peratus cendawan atau ayam atau daging lembu bagi memberi pilihan kepada penggemar burger.

"Saya rasa ia amat sesuai untuk dijadikan bahan-bahan makanan yang berasaskan daging tapi digantikan dengan nangka muda dan banyak percubaan dilakukan berpuluh-puluh formulasi dilakukan dan akhirnya kami dapati formula 70 ,30 amat sesuai,"katanya.

Dr Ibrahim menjelaskan nangka muda yang berusia sebulan mempunyai ciri-ciri fizikal yang hampir serupa seperti daging biasa, mengandungi serat dan air yang tinggi.



Abd Rahman (dua kiri) mengisi minyak salah seorang pengguna.

## Stesen minyak mini tambah pendapatan PPK

SABAK BERNAM - Pembukaan sebuah stesen minyak mini yang dimiliki Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya dijangka meningkatkan lagi pulangan pendapatan pertubuhan itu pada masa depan.

Pengerusinya, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PPK Bernam Jaya menyasarkan keuntungan melebihi RM100,000 sehingga Disember depan.

"Dengan adanya sebuah stesen minyak mini ini, ia dapat merancakkan lagi kegiatan ekonomi PPK Bernam Jaya, selain daripada aktiviti ekonomi sedia ada seperti kelapa sawit, tanaman cili fertigasi dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Pembukaan Stesen Minyak Mini Mudah Alih PPK Bernam Jaya di sini.

Kira-kira 1,000 kupon bernilai RM5 diagihkan kepada pemilik kenderaan untuk mengisi minyak percuma pada majlis pembukaan stesen minyak itu.

Abd Rahman berkata, stesen minyak itu turut membekalkan minyak subsidi kepada nelayan pesisir pantai dan laut dalam.

Katanya, kira-kira 5,000 liter minyak dijangka dijual di stesen minyak itu pada setiap hari.

"Kita mengharapkan lebih ramai pemilik kenderaan mengisi minyak di sini bukan saja sekitar Dun Sungai Air Tawar," katanya.

## FFS jadi contoh bantu tingkat hasil padi

TANJONG KARANG - Graduasi Farmers Field School (FFS) Tanaman Padi diingatkan supaya menjadi contoh dalam mengembangkan kaedah pengurusan tanaman padi yang baik mengikut 'Rice Check' yang ditetapkan.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Jamal Harian Yang Razali berkata, 19 petani lepasan sijil FFS perlu membimbing rakan petani lain bagi memastikan ilmu yang dipelajari dapat dipraktikkan.

Menurutnya, golongan petani ini diharapkan dapat menyelia dan menjadi pendorong kepada petani lain yang tidak berpeluang mengikuti FFS kali ini.

"Saya yakin program ini dapat menggalakkan lebih ramai lagi penyertaan untuk memberi pendedahan terperinci secara teknikal kepada pesawah.

"Usaha ini sekali gus membantu meningkatkan hasil dan mutu padi seterusnya mendapatkan persijilan myGAP," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Graduasi dan Penyampaian Sijil FFS Padi Selangor Musim 2/2018 di Institut Pengurusan Peladang (IPP) Tanjong Karang, semalam.

"FFS adalah satu program khusus yang bertujuan melahirkan pesawah contoh yang akan menjadi rujukan pesawah lain dan meningkatkan hasil padi.

"Matlamat kita ingin meningkatkan hasil sawah selain petani mempunyai ilmu dan kemahiran yang cukup dalam aspek pengurusan tanaman padi.

"FFS juga sebagai platform untuk memberikan pengiktirafan kepada petani yang berjaya menyertai teori dan amali selama satu musim," katanya.



Sebahagian peserta merakam kenangan bersama selepas program tamat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 16 |

**Kuala Lumpur**

# Harga telur ayam stabil

**Harga telur ayam gred A di pasaran masih stabil tanpa berlaku sebarang kenaikan yang membebankan pengguna.**

**Tinjauan Harian Metro di Pasar Chow Kit semalam mendapati kebanyakan peniaga menjual harga telur ayam gred A antara RM12.30 hingga RM12.60 sepapan.**

**Peniaga, Lee Chick King, 65, berkata, setakat ini stok telur ayam gred A yang diterima daripada pembekal di Melaka masih dijual pada harga ditetapkan kerajaan.**

**Katanya, walaupun cuaca yang tidak menentu stok telur ayam gred A masih dapat dibekalkan pembekal.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | BISNES | 39 |



TERESA KOK SUH KIM (lima dari kiri) dan Matthew Tee (kiri) memotong riben perasmian Projek The Valley@Bentong di Bentong, Pahang, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

# Binapuri labur RM100j projek pembangunan tanah tani

**BENTONG 8 Mac** - Bina Puri Holdings Berhad (Bina Puri) terus proaktif mengembangkan perniagaanya apabila melaksanakan projek perintis pembangunan tanah tani dan rumah ladang seluas 646 hektar di Karak dekat sini.

Melalui projek berkonsepkan pembangunan tanah tani dan rumah ladang itu, Bina Puri menyediakan infrastruktur seperti jalan, perparitan, air bersih dan elektrik sebelum menjual lot tanah yang sesuai untuk pertanian seperti penanaman durian.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri, Datuk Matthew Tee berkata, lebih RM100 juta dilaburkan bagi melaksanakan projek perintis tersebut termasuklah pembelian tanah berjumlah RM70 juta.

"Ia adalah projek pertama kita dalam pembangunan tanah tani dan rumah ladang dan saya terkejut dengan sambutan yang sangat baik daripada pembeli.

"Sehingga kini sebanyak 90 peratus pembeli direkodkan dalam pembangunan fasa pertama manakala 40 peratus berjaya dijual untuk fasa kedua," katanya pada majlis perasmian Projek The Valley@Bentong yang dirasmikan Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Kim di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack; Pengerusi Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri), Tan Sri Ir. Wong Foon Meng dan Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri, Tan Sri Tee Hock Seng.

Menurut Tee, harga jualan tanah di kawasan itu adalah berpatutan iaitu RM300,000 seekar berbanding harga tanah di Janda Baik di sini pada nilai purata RM900,000 seekar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |


# Basmi anjing liar bendung wabak rabies




**Mohd Roji Kawi**
mdroji@bh.com.my


Penularan wabak rabies atau penyakit anjing gila terus mencetus kebimbangan di Sarawak sejak dikesan merebak dalam kalangan manusia hampir dua tahun lalu.

Penyakit sistem saraf akibat virus yang merebak melalui gigitan haiwan itu, kini sudah menjangkiti 17 mangsa dengan 16 menemui ajal sejak 2017.

Seorang lagi mangsa jangkitan iaitu kanak-kanak dibenar keluar dari Hospital Umum Sarawak tahun lalu, namun mengalami komplikasi neurologi teruk dan difahamkan masih dirawat di rumah keluarganya sehingga kini.

Mangsa yang dijangkiti virus itu sukar dirawat kerana simptom seperti demam, kelesuan, sakit kepala berlanjutan sehingga dua hingga empat hari, ketakutan terhadap air, tidak tahan terhadap bunyi dan cahaya terang, hanya dapat dikesan dalam tempoh 20 hingga 60 hari selepas digigit haiwan dijangkiti terutama anjing.

Pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan bagi membendung penularan penyakit berkenaan sejak ia diisytiharkan sebagai wabak pada 1 Julai 2017.

Antaranya melaksanakan program vaksinasi percuma terhadap haiwan peliharaan yang sehingga kini lebih 150,000 anjing peliharaan sudah menjalani proses berkenaan.

## Babit kos tinggi

Usaha membendung penularan wabak itu membabitkan kos amat tinggi apabila lebih RM40 juta diperuntukkan. Sejumlah RM22.8 juta disediakan kerajaan negeri untuk pelaksanaan program pencegahan tahun ini, manakala RM20 pada tahun lalu.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, pihaknya mempertingkatkan program vaksinasi dan pemasangan mikrocip yang membabitkan kira-kira 157,000 atau 70 peratus daripada 225,000 populasi anjing di Sarawak.

Beliau yang mengetuai operasi pencegahan wabak berkenaan menjelaskan, usaha mengekang penularan rabies cukup positif apabila mendapat kerjasama rapat Kerajaan Persekutuan menerusi agensi seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Bagaimanapun katanya, usaha kerajaan menangani wabak berbahaya itu berdepan cabaran apabila ada segelintir pemilik anjing menyembunyikan haiwan peliharaan untuk mengelak vaksinasi.

Ini tidak harus berlaku kerana kerjasama terhadap Ops Rabies Sarawak yang dilaksanakan sehingga kini, selaras pengisytiharan wabak itu sebagai bencana tahap dua mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Beri kerjasama apabila operasi dijalankan pihak berkuasa untuk vaksinasi binatang peliharaan bagi mengelak penularan wabak ini," katanya selepas Mesyuarat Penyelarasan Operasi Pembanterasan Rabies, di Kuching, baru-baru ini.

## Wabak terus menular

Pakar veterinar yang enggan namanya disiarkan pula berkata, usaha membendung penularan wabak rabies di Sarawak sukar mencapai sepenuhnya objektif, selagi anjing liar dibiar berkeliaran di kawasan bandar atau kampung.

Beliau turut mencadangkan anjing bertuan turut dihalang berkeliaran kerana potensi untuk dijangkiti virus rabies cukup tinggi, jika bergaul anjing liar yang sudah dijangkiti.

"Wabak rabies menular di Sarawak selepas disebarkan anjing liar dari negara jiran yang dipercayai merentasi sempadan di kawasan Serian pada 2017. Kini lebih 60 kawasan diisytihar dijangkiti rabies.

"Anjing liar yang dijangkiti virus di negara jiran menggigit anjing tempatan dan proses penyebaran berterusan sehingga menjangkau kawasan yang luas," katanya.

Justeru, beliau berkata tumpuan kini harus diberikan untuk membasmi sepenuhnya anjing liar, walaupun ia agak sukar dilakukan berikutan jumlahnya terlalu banyak.

"Saya difahamkan sekarang satu pasukan besar terdiri pelbagai agensi sudah dibentuk untuk membasmi penularan rabies. Saya harap mereka memberi tumpuan sepenuhnya untuk menangkap anjing liar yang banyak berkeliaran.

"Selagi ada anjing liar, kita sukar menghalang penularan wabak itu sepenuhnya. Saya tak kata anjing peliharaan atau anjing bertuan bebas sebagai ejen penyebar wabak itu, tetapi potensinya kurang selagi ia tidak terdedah risiko gigitan anjing liar yang terdedah jangkitan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 9 |

# ANGGUR 'MUSIM PANAS'

## Cuaca terik kini beri manfaat kepada peladang kerana kualiti buah lebih baik

**Noor Hidayah Tanzizi**
am@hmetro.com.my

**Sitiawan**

Cuaca panas melanda negara ketika ini menguntungkan pengusaha ladang anggur di Kampung Darat Jelutong, Batu 7 1/2 Lekir di sini, apabila tanaman membuahkan hasil lebih manis dan rangup.

Siti Saloma Saad, 54, mengakui anggurnya berbuah secara berperingkat sejak Januari lalu malah, cuaca terlalu panas tidak menjejaskan kualiti dan tahap kemanisan anggurnya.

"Kali ini anggur masak sikit-sikit, selalunya 40 kilogram (kg) masak serentak, sekarang ini seminggu 10 kg buah masak berperingkat, namun ia tidak jejaskan hasil, cuma pengeluarannya sedikit sahaja.

"Di sini suhu 27 darjah Celsius dan paling tinggi pernah mencecah 33 darjah Celsius, biasanya Februari dan Mac memang tempoh untuk buah masak manakala empat bulan sebelum itu proses pemangkasan dijalankan.

"Cuaca panas bagus untuk pertumbuhan anggur, malah buahnya juga lebih manis, sedap dan rangup kerana air dalam buah kurang," katanya ketika ditemui di ladang anggurnya yang terletak bersebelahan rumahnya, di sini.

Katanya, bagi mengekalkan kelembapan tanah, dia menggunakan jerami untuk melindungi akar pokok daripada panas matahari selain langkah itu sebagai proses pemulihan tanah yang menggunakan baja organik.

"Kalau terlampau panas sangat memang banyak serangga kecil, sama juga dengan musim hujan yang terlalu kerap dan lebat, tetapi setakat ini ia bukan masalah besar dan tidak mengganggu pertumbuhan," katanya yang mengusahakan ladang bersama ahli keluarganya.




SITI Saloma menunjukkan buah anggur hasil ladangnya di Kampung Darat Jelutong.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/3/2019 | HARIAN METRO | HATI | 64 |

# DAMAI DI KEBUN BALKONI

## Mazreena puas impian miliki 'sky garden' jadi kenyataan



MAZREENA di laman kebun balkoni miliknya.

Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

**Memiliki** kebun balkoni tidak semudah bercucuk tanam di laman kediaman yang mempunyai kawasan lapang. Selain faktor keluasan ruang, tiupan angin dan cahaya matahari, kebun balkoni mungkin agak leceh untuk diurus kerana tiada sumber tanah dan air sebagaimana di kebanyakan rumah teres atau kampung.

Namun, bagi yang benar-benar suka bercucuk tanam, mereka tidak kisah dengan jenis rumah didiami. Asalkan ada ruang bersesuaian, di situlah benih disemai dan dibesarkan hingga membuahkan hasil.

Sama halnya dengan pembuat kek, Mazreena Sapianumur, 39. Ibu kepada tiga anak perempuan ini bukan saja bijak memanfaatkan ruang balkoni rumahnya, bahkan pandai bercucuk tanam.

"Saya memang minat berkebun sejak kecil lagi. Kalau ada masa terluang, saya kerap membantu arwah emak dan abah melakukan kerja ringan di halaman rumah. Laman luas itu ditanam pelbagai jenis bunga, buah dan sayur.

"Jadi, sebelum berpindah ke rumah sekarang, saya menyimpan angan dan cita-cita untuk memiliki kebun balkoni seperti 'Sky Garden' milik Daphne Iking kerana rumah lama terlindung daripada cahaya matahari.

"Sebaik berpindah, saya mula membeli pokok cili padi dan rosemary. Suami pula banyak beri sokongan dengan membelikan rak kayu, set hidroponik dan pelbagai kelengkapan untuk berkebun. Tidak cukup dengan itu, ibu bapa mentua turut membelikan pokok lain seperti pandan, kari, bidara, selasih, kunyit dan pudina," katanya.



SAWI ditanam secara hidroponik.



TERSUSUN kemas.

Jelas Mazreena, walaupun sibuk dengan tempahan kek dan rutin kerja rumah, dia cukup seronok dapat memiliki kebun balkoni sendiri. Apatah lagi ketika ramai mula berkongsi di media sosial mengenai penggunaan racun kimia dan serangga dalam penanaman sayuran yang dijual di pasar.

"Saya pernah terbaca perkongsian rakan di Facebook mengenai kaedah penanaman hidroponik. Memandangkan ia mudah dan hasilnya selamat untuk dimakan, saya mula mencari alat kelengkapan dan benih sayuran di kedai.



ANAK turut tenda membantu menuai hasil kebun.

"Bila nampak tanaman menjadi, saya beli pula benih sayur lain dan mendapatkan baja AB secara dalam talian. Setiap pagi, selepas hantar anak ke sekolah, saya menjenguk kebun, menyiram, menambah air baja, melihat kalau ada jentik-jentik, mencantas daun dan menabur baja.

"Selesai membuat kek dan menyediakan hidangan untuk makan tengahari, saya ambil anak-anak dan menyudahkan kerja rumah termasuk memasak sajian makan malam. Kemudian, saya akan kembali ke balkoni untuk menyemai benih, mengalihkan anak pokok ke pasu dan menuai hasil yang sudah matang sambil dibantu anak-anak," katanya.

Menurut Mazreena, ada waktunya dia menghabiskan banyak masa di kebun berkeluasan sekitar 7.4 meter persegi itu untuk mengkaji teknik pembenihan dan mencuba pelbagai kaedah menghasilkan baja serta racun serangga organik.

"Buat masa ini, saya menanam pelbagai jenis herba termasuk kesum, kunyit, pudina, rosemary, selasih, kari, pandan, daun sup, daun bawang dan ketumbar. Ada juga sayur, antaranya kangkung, pelbagai jenis bayam, kailan, sawi, salad, pak choy, cili dan tomato.

"Lazimnya, anak sulung akan membantu kerja menyiram. Adiknya pula suka membantu ketika menuai hasil. Jika dikumpul, alhamdulillah cukup untuk dimasak buat hidangan keluarga. Kalau ada lebih, saya akan berkongsi dengan mentua dan kawan-kawan," katanya.

> Memandangkan ia mudah dan hasilnya selamat untuk dimakan, saya mula mencari alat kelengkapan dan benih sayuran di kedai
>
> **MAZREENA**

Mazreena berkata, dia puas dapat memetik hasil tanaman sendiri, sekali gus menyediakan hidangan sihat dan bebas racun buat seisi keluarganya.

"Perasaan gembira setiap kali melihat tanaman hidup subur di kebun balkoni itulah yang menjadi terapi pagi terbaik buat diri saya sebelum memulakan rutin sebagai suri rumah.

"Paling penting, saya dapat berkongsi ilmu berkebun dan hasil kajian dibuat bersama keluarga dan kawan-kawan. Lebih seronok apabila minat ini disokong keluarga termasuk ibu bapa mentua," katanya.